

17/10/2001

Mahathir lancar ASN3

Abdul Halim Yusoff; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) dengan saiz satu bilion unit, dana amanah kelapan dikendalikan Permodalan Nasional Bhd (PNB).

ASN3 adalah dana amanah PNB ketiga dibuka kepada semua warganegara Malaysia selepas Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) yang ditawarkan pada harga tetap RM1 seunit.

Dikategorikan sebagai dana imbang, ASN3 akan dijual pada harga tetap RM1 seunit untuk tiga minggu bermula hari ini hingga 5 November depan.

"ASN3 juga adalah saham amanah dengan harga berubah-ubah yang pertama diuruskan PNB dan dibuka kepada masyarakat bukan Bumiputera," kata Perdana Menteri selepas melancarkan dana itu di Seri Kembangan, petang ini.

Pelaburan terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan langganan minimum RM100 membabitkan 100 unit saham.

Bagaimanapun, selepas 5 November, semua unit ASN3 akan diniagakan pada harga berubah-ubah berdasarkan prestasi portfolio pelaburan PNB yang ditentukan oleh sentimen pasaran semasa.

PNB dijangka memberi tumpuan kepada pelaburan dalam instrumen kewangan bagi ASN3 berbanding ekuiti bagi mendapatkan portfolio yang lebih seimbang.

Dr Mahathir berkata, pelancaran ASN3 dibuat pada masa yang tepat walaupun asas dan sentimen pasaran saham kini dibayangi isu global melanda negara maju terutamanya Amerika Syarikat.

"Ekonomi Malaysia pada dasarnya berpotensi dan mampu untuk terus berdaya saing kerana mempunyai kepelbagaian dan kekuatan ekonomi di samping langkah strategik yang diambil kerajaan.

"Keadaan ini akan memberi peluang kepada pengurus dana seperti PNB menggembleng dana daripada pelabur individu bagi tujuan pelaburan dalam pelbagai sektor ekonomi berdaya maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebahagian besar penganalisis menjangkakan ekonomi dan pasaran saham dunia akan pulih menjelang tahun 2002.

Oleh itu, katanya, sekarang adalah masa sesuai untuk rakyat Malaysia merebut peluang melabur dalam saham amanah terbaru daripada PNB.

Saham amanah PNB mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih tujuh juta orang sudah melabur dalam pelbagai tabung membabitkan pelaburan RM36 bilion.

Dr Mahathir berkata, PNB sudah mencapai matlamatnya menyusun semula status ekonomi rakyat dengan menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi serta mengatasi kemiskinan.

Katanya, pelaburan dalam saham amanah adalah untuk jangka panjang dan oleh itu, pelabur tidak seharusnya mengharap pulangan segera yang tinggi.

"Pelabur perlu bijak memilih pelaburan yang mampu memberi pulangan baik," katanya.

Amanah saham yang diuruskan PNB sebelum ini ialah Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham Didik (ASD).

(END)